

WASWAS DAN KAITANYA DENGAN MASALAH OBSESSIVE-COMPULSIVE DISORDER (OCD)

Mohd Zahir Abdul Rahman (Penulis bersama)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia.
Tel: 0194963026, E-Mail: zahir@usim.edu.my

Ahmad Murshidi Mustapha, UITM
Shah Rizul Izyan Bt Zulkipli, USIM

Abstrak

Masalah waswas sudah menjadi persoalan oleh para sahabat Rasulullah ﷺ dalam sorotan Hadith Nabawiyyah dan sehingga kini waswas masih menjadi ancaman besar bagi umat Islam. Perkara ini dibuktikan menerusi surah al-Nas agar manusia memohon perlindungan Allah dari gangguan waswas dari tiga sifat Allah yang Mulia iaitu *Rububiyyah* Allah sebagai Pemelihara manusia, *Mulkiyyah* Allah sebagai Raja manusia dan *Uluhiyyah* Allah sebagai Tuhan manusia. Sebaliknya, menerusi surah al-Falaq hanya ditegaskan agar memohon perlindungan dengan satu sifat Allah dari lima bahaya. Di sini cukup untuk menggambarkan bahawa ancaman yang dibawa oleh *waswas* tidak boleh dipandang remeh. Selain itu juga, waswas turut dikaitkan dengan salah satu dari penyakit psikiatri iaitu *obsessive-compulsive disorder* (OCD). Dalam istilah Arab, *obsessive-compulsive disorder* (OCD) dikenali sebagai *waswas al-qahriy*. Perkaitan antara OCD dengan waswas adalah dari sudut gangguan kepada pemikiran dan tindakan yang tidak diyakini sehingga diulangi berkali-kali. Kesan daripada OCD ini akan menyebabkan gangguan pada emosi dan juga keyakinan diri. Justeru, artikel ini cuba untuk meneroka hubungan waswas dan *obsessive-compulsive disorder* (OCD) dari perspektif Islam dan psikiatri moden dengan menggunakan pendekatan kualitatif secara sepenuhnya. Hasil kajian mendapati, prinsip waswas dalam Islam menjadi asas kepada pertimbangan terhadap gangguan pada penyakit *obsessive-compulsive disorder* (OCD) yang dibincangkan oleh psikiatri moden hari ini.

Kata kunci: Waswas, *Obsessive-Compulsive Disorder* (OCD), Penyakit psikiatri, Surah al-Nas

Pendahuluan

Perbincangan berkaitan waswas dalam masyarakat Islam umumnya akan mengaitkannya dengan gangguan jin dan syaitan. Sedangkan surah al-Nas secara khususnya mengaitkan waswas kepada dua penyebab utama iaitu jin dan manusia. Tindakan hanya mengaitkan jin sebagai sebab utama waswas sedikit sebanyak telah menyebabkan umat Islam leka dan lalai untuk meneroka punca lain iaitu manusia itu sendiri. Secara tidak langsung, apabila disebut gangguan jin maka pendekatan keagamaan Islam atau pendekatan spiritual Islam perlu diutamakan.

Beberapa karya ulama silam turut menyentuh isu waswas dalam karya ulung mereka. Antaranya ialah Ibn Qudamah dalam karyanya yang bertajuk "*Zamm al-Muwaswisin wa al-Tahtir min al-Waswasah* (1923), karya Ibn Qayyim (1292-1350M) iaitu *Maka'id al-Shayatin fi al-Waswasah Wa Zamm al-Muwaswisin*, Shah Wiliyullah ad-Dehlawi (1703-1762M) dalam karya yang bertajuk *Hujjah al-Balighah* (2015) dan Bediuzzaman Said Nursi (1878- 1960) dengan karya *Risalah al-Nur*. Elemen

waswas, sememangnya wujud dalam teras utama bagi penyakit *obsessive-compulsive disorder* (OCD). Berasaskan latar belakang ini, kajian ini akan mengambil pendekatan yang inklusif dalam meneliti persamaan yang wujud dalam elemen *waswas* menerusi prinsip Islam dan OCD berdasarkan prinsip psikiatri moden sebagai usaha meneroka integrasi naqli dan aqli dalam ilmu kesihatan mental.

Waswas Dalam Perspektif Islam

Waswas sering kali dikaitkan dengan seseorang yang mengangkat takbir berulang kali, membasuh tangan dan mandi dalam kuantiti masa yang lama. Selain itu, wawas berlaku dalam pemikiran yang mengaitkan keimanan seperti siapakah yang ciptakan Allah?. Perbuatan dan pemikiran seumpama ini banyak dilakarkan menerusi karya-karya ulama silam. Lantaran itu, kajian ini mengulang kembali erti dan makna disebalik perkataan *waswas*. Waswas diambil dari huruf و dan س iaitu [وسّ] maka menjadi [وسس] yang memberi makna “bisik”. Perkataan *al-waswas* berasal dari kata terbitan *waswas-waswasah-wiswasan*. Sementara dari aspek ilmu Balaghah, ketika diulangkan huruf و dan س sehingga menjadi lafaz وسوس menunjukkan perbuatan membisik ini diulang berkali-kali menerusi perbuatan (Darwish: 1992:320).

Ibn Faris (1972:76) menambah, huruf “waw” dan “sin” menunjukkan kalimah suara yang tidak kuat. Waswas turut dikategorikan oleh para *fuqaha* dalam empat kategori menerusi Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah (1983:147);

1. Kategori pertama: Lintasan jiwa yang membisikkan keraguan samada hendak melakukan ataupun tidak.
2. Kategori kedua: Bisikan syaitan yang menimbulkan ketakutan kepada manusia dari sudut ibadat dan i’tiqad.
3. Kategori ketiga: Lintasan dalam diri akibat keterlaluan atau berhati-hati dan cermat sehingga memerlukan melakukan sesuatu. Lintasan ini menguasai dirinya dan beranggapan bahawa dia belum melakukan perkara itu, maka diulanginya berulang kali sampai kepada batasan yang menyebabkan perkara tersebut menguasai dalam minda.
4. Kategori keempat: Perkara yang berlaku kepada minda ketika berucap tanpa berfikir atau tanpa kaedah dan sistem.

Sementara itu, pembahagian *waswas* menurut Wail Abu Hind (2004:16) dalam karyanya *Waswas al-Qahriy* mengatakan, majoriti sarjana kontemporari dalam kalangan ahli Fiqh, *Muhaddhithin* dan sarjana Muslim dan Barat telah membuat kesimpulan bahawa, *waswas* merujuk kepada tiga bahagian utama;

1. Waswas jiwa iaitu melibatkan apa yang disukai dan tidak disukai oleh jiwa manusia yang melibatkan perkara-perkara halal dan haram seperti keinginan dan kecintaan.
2. Waswas syaitan atau dikenali sebagai *waswas al-Khannas* yang hanya mencukupi dengan merawatnya dengan lafaz *isti’adhah*.
3. *Waswas al-Qahriy* atau dikenali sebagai *obsessive-compulsive disorder* (OCD). Waswas jenis ini melibatkan pemikiran yang berulang-ulang yang mengganggu dan menakutkan dan tidak mencukupi hanya merawat dengan lafaz *isti’adhah*.

Perbincangan terhadap konsep waswas dilihat mempunyai beberapa pembahagian. Namun pada asasnya, penggunaan perkataan waswas masih kekal digunakan. Secara tidak langsung, huraian terhadap waswas dan kaitannya dengan penyakit OCD sepertimana pembahagian ketiga dalam Mawso'ah al-Fiqhiyyah (1983:147) dan Wail Abu Hind (2004:16) sangat relevan pada zaman kini. Seolah-olah masalah waswas hari ini adalah waswas yang mengalami unsur evolusi yang pelbagai ataupun kita boleh namakan sebagai OCD.

Senarai Dalil Waswas Menurut Al-Quran

AYAT	SURAH	KATA KUNCI
﴿ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴾	Al-Nas 114:4	الوسواس
﴿ الَّذِي يُوسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴾	Al-Nas 114:5	يوسوس
﴿ فَوَسْوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيَدِيَ لَهُمَا ﴾	Al-A'raf 7:20	فوسوس
﴿ فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ ﴾	Toha 20:120	
﴿ وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعَلَهُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ ﴾	Qaf: 50:16	توسوس

Dari perbincangan dalam lima ayat ini, lima rumusan yang perlu diperhatikan:

Pertama, Iblis adalah makhluk pertama yang dicatat oleh Allah di dalam al-Quran sebagai pencetus waswas jahat kepada Nabi Adam dan Hawa'.

Kedua, waswas Syaitan merujuk kepada lintasan fikiran dalam diri anda yang tampak seakan realiti namun hakikat sangat berbahaya.

Ketiga, majoriti ahli Tafsir menyatakan bahawa, waswas adalah bisikan jahat, halus dan tidak bermanfaat, tetapi dapat difahami oleh hati manusia tanpa melalui deria pendengaran, yang dicituskan oleh Jin dalam kalangan syaitan dan dalam kalangan manusia.

Keempat, keinginan manusia yang mustahil (hidup abadi dan dijanjikan kekuatan seperti malaikat) telah menjadi sasaran utama syaitan dalam proses godaan seperti Nabi Adam dan Hawa.

Kelima, pencetus waswas dalam kalangan Jin dan manusia mampu mempengaruhi hati dan emosi seseorang manusia.

No	KOLEKSI HADITH MENGENAI WASWAS
1.	إِنَّ الشَّيْطَانَ، إِذَا سَمِعَ التَّدَاءِ لَصَلَاةٍ، أَحَالَ لَهُ ضُرَاطًا، حَتَّى لَا يَسْمَعَ صَوْتَهُ، فَإِذَا سَكَتَ، رَجَعَ فَوَسْوَسَ، فَإِذَا سَمِعَ الْإِقَامَةَ،

	<p style="text-align: right;">ذَهَبَ حَتَّى لَا يَسْمَعَ صَوْتَهُ، فَإِذَا سَكَتَ رَجَعَ فَوْسُوسٌ</p> <p>“Syaitan apabila mendengar azan, maka kentut akan membuatnya lari tercirit-birit sehingga tidak mendengar suaranya lagi. Setelah azan selesai, dia kembali lagi untuk mengganggu. Begitu juga apabila mendengar iqamat. Dia akan lari sehingga tidak mendengarnya lagi, dan apabila iqamat selesai, dia kembali sekali lagi untuk mengganggu.”</p> <p>(Hadith. Muslim. Kitab al-Solat; Bab Fadl al-Azan wa Harb al-Syaitan ‘inda Sama’ihi, No: 589)</p>
2.	<p style="text-align: center;">أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ حِينَ تُوْفِيَ النَّبِيُّ ﷺ حَزِنُوا عَلَيْهِ، حَتَّى كَادَ بَعْضُهُمْ يَوْسُوسُ</p> <p>“Ada beberapa sahabat Nabi ﷺ bersedih hati ketika Nabi ﷺ wafat, sehingga hampir hampir sebahagian dari mereka menjadi waswas”.</p> <p>(Hadith. Ibn Hanbal. Hadith Uthman Bin ‘Affan, No: 20 dengan <i>Isnad Sahih</i>)</p>
3.	<p style="text-align: center;">سُئِلَ النَّبِيُّ ﷺ عَنِ الْوَسْوَسَةِ قَالَ : تِلْكَ مَخْضُ الْإِيمَانِ</p> <p>“Nabi ﷺ ditanya tentang bisikan (syaitan). Baginda menjawab: “Itu adalah tanda iman yang tulen”</p> <p>(Hadith. Muslim. Kitab Iman; Bab Bayan al-Waswas Fi al-Iman wa Ma Yaquhul Man Wajadaha; #133)</p> <p>(Hadith. Ibn Hanbal. Hadith Abu Hurairah, No: 9837)</p>
4.	<p style="text-align: center;">جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ - رَسُولَ اللَّهِ - إِنَّ أَحَدًا يَجِدُ فِي نَفْسِهِ مِعْرَضًا لَشَيْءٍ لَأَنْ يَكُونَ حَمَمَةً أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يَتَكَلَّمَ بِهِ فَقَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ الَّذِي رَدَّ كَيْدَهُ إِلَى الْوَسْوَسَةِ</p> <p>“Seorang lelaki datang kepada Nabi ﷺ dan berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya di antara kami ada yang mendapati sesuatu dalam hatinya; tetapi sekiranya hatinya menjadi arang lebih ia sukai daripada ia mengungkapkannya." Beliau lalu bersabda: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Segala puji bagi Allah yang telah merubah tipu daya-Nya menjadi bisikan." Ibn Qudamah berkata, "Iaitu merubah tipu daya-Nya menjadi perintah-Nya.”</p> <p>(Hadith. Abu Dawud. Kitab al-Adab. Bab Fi Radd al-Waswas, No: 4450)</p> <p>(Hadith. Ibn Hanbal. Hadith Ibn ‘Abbas, No: 2097)</p>
5.	<p style="text-align: center;">لَا يَبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي مَسْتَحَبِّهِ ثُمَّ يَتَوَضَّأُ فِيهِ، فَإِنَّ عَامَّةَ الْوَسْوَاسِ مِنْهُ</p> <p>“Janganlah sekali-kali salah seorang di antara kalian kencing di tempat mandinya kemudian dia mandi di tempat tersebut.” Sedang Ahmad menyebutkan; Kemudian dia berwuduk di tempat tersebut, kerana kebanyakan waswas adalah dari padanya”.</p> <p>(Hadith. Abu Dawud. Kitab al-Toharah. Bab al-Bawli fi al-Mustaham, No: 27)</p> <p>(Hadith. Al-Tirmidhi. Kitab al-Toharah. Bab Ma ja’ Fi Karahiyah al-Bawli fi al-Muqtasil, No: 21)</p> <p>(Hadith. al-Nasa’ie. Kitab al-Toharah. Bab Karahiyah al-Bawli fi al-Mustaham, No: 36)</p> <p>(Hadith. Ibn Majah. Kitab al-Toharah. Bab Karahiyah al-Bawli fi al-Mustaham, No: 304)</p> <p>(Hadith. Ibn Hanbal. Musnad ‘Abdullah Bin Mughaffal, No: 20441)</p>
6.	<p style="text-align: center;">إِنَّ لِلْوَضُوءِ شَيْطَانًا يُقَالُ لَهُ: الْوَلْهَانُ، فَاتَّقُوا وَسْوَاسَ الْمَاءِ</p> <p>“Sesungguhnya pada tiap wuduk ada Syaitan yang dinamakan dengan Al-Walahan, maka jauhilah waswas dalam air.”</p> <p>(Hadith. Al-Tirmidhi. Kitab al-Toharah. Bab Karahiyah al-Israf fi al-Wudu’ bi al-Ma’, No: 57)</p>
7.	<p style="text-align: center;">إِنَّ - تَجَاوَزَ لِأُمَّتِي عَمَّا وَسَّوَسْتُ، أَوْ حَدَّثْتُ بِهِ أَنْفُسَهَا، مَا لَمْ تَعْمَلْ بِهِ أَوْ تَكَلَّمَ</p> <p>“Allah memberi kelonggaran kepadaku tentang ummatku, mereka tidak dianggap melakukan dosa dari apa yang dibisikan dalam dadanya (hatinya) selama tidak dikerjakan atau diucapkannya”.</p> <p>(Hadith. Al-Bukhariy. Kitab al-Aiman wa al-Nuzur. Bab Hanitha Nasiyan al-Aiman, No: 6664)</p>

(Hadith. Al-Nasa'i. Kitab Tolaq. Bab Man Tolaq Fi Nafsih, No: 3464)

Oleh itu, lima perkara asas yang boleh difahami menerusi waswas menurut perspektif Sharh Hadis;

Pertama, Waswas dalam kalangan Syaitan akan berlari apabila mendengar laungan azan dan sentiasa mengganggu fikiran anda yang sedang bersolat dan akan kembali mengganggu apabila azan sudah tidak kedengaran.

Kedua, Cetusan waswas mampu menimbulkan keraguan, kealpaan dan membingungkan pemikiran anda.

Ketiga; Syaitan tidak mampu memaksa anda secara fizikal untuk melakukan tindakan apa pun. Sebaliknya syaitan hanya mampu melaksanakan tindakan melalui bisikan secara luaran.

Keempat; Hadis-hadis ini merangkumkan kaitan antara waswas dengan air, waswas dengan air kencing, waswas dengan wuduk, waswas dengan azan dan waswas dengan tindakan dan ucapan.

Kelima; *Hadis al-Nafs* merujuk kepada cetusan hati yang tidak bermanfaat dan tidak dikehendaki seperti perasaan lupa akan sesuatu.

Konsep *Obsessive-Compulsive Disorder* (OCD)

OCD atau *obsessive-compulsive disorder* merupakan masalah kebimbangan seseorang yang mempunyai gangguan yang berulang, pemikiran yang tidak diingini, idea atau obses yang membuat mereka merasa terdorong untuk melakukan sesuatu secara berulang-ulang (American Psychiatric Association (APA), 2013). Sebagai contoh, tingkah laku yang berulang-ulang seperti mencuci tangan, memeriksa sesuatu perkara dalam aspek kebersihan yang boleh mengganggu aktiviti harian seseorang dan interaksi sosial. Definisi ini secara umumnya telah digunapakai psikiatri di seluruh dunia.

Obsessive-compulsive disorder diambil dari gabungan dua perkataan iaitu obsesif dan *compulsive*. Obsesif adalah pemikiran sama ada berbentuk idea, gambaran atau dorongan yang berlaku dalam minda seseorang yang berulang-ulang secara semulajadi (YC Janardhan, 2008: 2). Sementara, kompulsif adalah perbuatan yang berulang-ulang dalam sesuatu perkara untuk menghilangkan kebimbangan walaupun mengetahui bahawa perbuatan tersebut tidak bermanfaat dan tiada keperluan untuk melakukannya ('Ukashah, tth; 170-174). Hatta Sidi (2012) mengemukakan enam ciri-ciri utama OCD iaitu;

- i. Pemikiran itu hasil dari minda individu itu sendiri.
- ii. Idea dan pemikiran itu datang secara bergilir-gilir atau kerap secara intrusive.
- iii. Idea atau pemikiran itu mendatangkan stress kepada individu yang dikenali sebagai ego-distonik.
- iv. Individu yang menderita tidak dapat menepis atau memberhentikan idea pemikiran itu.
- v. Sebarang usaha untuk menepis atau memberhentikananya akan gagal.

- vi. Ritual dalam bentuk perlakuan motor seperti membasuh berulang kali boleh berlaku atau tidak untuk meleraikan idea atau pemikiran tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, difahami bahawa OCD merupakan singkatan dari perkataan *obsessive-compulsive disorder*. Obsesif dijelaskan sebagai pemikiran yang menjurus kepada gambaran atau dorongan yang berlaku dalam minda seseorang secara berulang-ulang sehingga timbul kebimbangan dan kerisauan. Manakala kompulsif merupakan tingkah laku yang berulang hasil dari dorongan yang tidak dapat dikawal dari minda.

Hubungkait *Obsessive-Compulsive Disorder* (OCD) Dengan Waswas

Terdapat beberapa hujah yang mengaitkan waswas dengan OCD iaitu. Menurut Toriq (2003:28), beliau meletakkan peranan syaitan secara tidak langsung wujud dalam *waswas al-Qahriy* kerana itu perkataan *waswas* dikekalkan dalam bahasa Arab iaitu *waswas al-Qahriy*. Manakala Hatta Sidi (2012) menyatakan, pengaruh syaitan dalam *waswas al-Qahriy* telah direpresentasikan dalam tema berbentuk seksual, keganasan, keagamaan, arahan dan kekotoran. Sebagaimana definisi salah satu dari pembahagian waswas dalam kitab Mawsu'ah Fiqhiyah, ianya sama dengan definisi OCD iaitu lintasan dalam diri akibat keterlaluan atau berhati-hati dan cermat sehingga memerlukan seseorang itu untuk melakukan sesuatu. Lintasan ini menguasai dirinya dan beranggapan bahawa dia belum melakukan perkara itu, maka diulanginya berulang kali sampai kepada batasan yang menyebabkan perkara tersebut menguasai dalam minda.

Nabil R. Mohamed et al., (2015) pula menjelaskan agar berpegang dengan istilah yang ada dalam al-Quran iaitu pada perkataan waswas. Selain itu, menurut beliau lagi, memahami makna waswas dan peristiwa yang berlaku telah pun menjadi suatu kekeliruan makna di antara legasi Islam dan psikiatri. Istilah waswas ini juga telah menjadi tema keagamaan dan kepercayaan beragama bagi penyakit OCD seperti perbuatan berulang kali dalam berwuduk, membaca al-Fatihah ketika solat dan mengangkat takbir (Zahid Nazar, 2011). Kedua-dua situasi ini iaitu OCD dan waswas dilihat mempunyai perkaitan dari aspek pemikiran dan tindakan. Tindakan mereka yang mengulangi sesuatu perkara kerana tiada keyakinan bahawa benda tersebut sempurna ataupun telah dilakukan. Isu yang berterusan berlaku ini akan menyebabkan gangguan pada emosi seseorang yang akan mempengaruhi ruang kehidupannya sama ada secara peribadi ataupun bermasyarakat.

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa waswas sememangnya adalah penyakit OCD. Sekiranya hujah ini benar, maka perbincangan OCD dalam psikiatri tidak boleh diremehkan. Hakikatnya OCD suatu ketika dahulu telah dianggap penyakit psikiatri yang jarang berlaku. Sejarah turut mencatatkan, *obsessive-compulsive disorder* (OCD) dikenal pasti sekitar abad 17 Masihi dan dikaitkan dengan peranan cetusan syaitan sehingga perlu dirawat menggunakan pendekatan menghalau hantu *exorcisme* (Salzman & Thaler, 1981). Menariknya, OCD turut dibahaskan oleh sarjana Muslim terdahulu iaitu Abu Zayd al-Balkhi 849–934 masihi pada dalam karyanya "*Masalih al-Abdan wa al-Anfus*" dengan mengaitkan OCD dengan pemikiran yang tidak benar yang mengganggu kehidupan dan aktiviti harian manusia. Abu Zayd ini adalah sarjana Muslim yang lahir sebelum Ibn Sina. Namun kajian oleh Karno et al., (1988), Weisman et al., (1994) dan Hollander (1997) mendapati, OCD sudah pun menjadi penyakit psikiatri yang paling lumrah berbanding penyakit psikiatri lain melibatkan 1-2% populasi dunia.

Pada tahun 1996, OCD telah disenaraikan di antara 10 beban ketidakupayaan dunia oleh The World Health Organization (WHO, 1996) serta mampu menjangkiti antara 2% hingga 3% pada keseluruhan populasi manusia (Ruscio et al., 2010). Sementara menerusi laporan World Health Organization's 'Depression and Other Common Mental Disorders' pada tahun 2017, telah memasukkan OCD di dalam kategori anxiety disorder iaitu kategori keenam terbesar penyakit bukan maut serta menjadi 10 penyebab utama kehidupan bersama ketidakupayaan *years lost to disability* (YLD) di seluruh dunia. Pada tahun 2013, OCD telah diiktiraf sebagai sejenis penyakit mental yang disenaraikan *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (DSM-5, 2013) dan International Classification of Diseases 11th Revision (ICD-11, 2018). Masalah OCD telah mengakibatkan kesan dari aspek kewangan, sosial seperti pengangguran dan kehabisan berjuta-juta kos perubatan setahun (NICE, 2005) di samping memberi kesan lebih besar terhadap wanita berbanding lelaki, dengan jumlah kes 5,104,000 di seluruh dunia merangkumi 2,909,000 perempuan dan 2,195,000 lelaki (WHO, 2008).

Kesimpulan

Perbincangan yang menyeluruh terhadap waswas dan kaitannya dengan penyakit OCD perlu diberi perhatian sama ada dari aspek perbahasan al-Quran, Hadith dan psikiatri moden. Anggapan bahawa waswas bukanlah suatu ancaman yang besar merupakan anggapan yang salah. Berkemungkinan penyakit OCD yang wujud ini merupakan intrepertasi dari waswas yang dicituskan oleh jin ataupun manusia. Sehubungan dengan itu, hakikat sebenar waswas yang digambarkan oleh al-Quran menjadi asas untuk manusia mentadabbur, memikir dan mengambil iktibar keberadaannya semasa hidup di dunia. Melalui *tadabbur*, fikir dan iktibar menjadikan manusia sedar akan dirinya dan menjadi pendorong mengelakkan diri dari terjebah ke dalam gangguan yang dicituskan oleh jin dan manusia. Proses rawatan dan pemulihan bagi penyakit OCD dan waswas ini perlu kepada gabungan yang komprehensif pada sudut pandangan Islam dan juga psikiatri moden. Hal ini supaya elemen gangguan yang lebih teruk mampu dicegah sebelum ianya memberi kesan yang besar bagi emosi pesakit dan mengganggu kestabilan hidup sama ada secara peribadi ataupun sosial.

Rujukan

- Ahmad bin Faris bin Zakariyya, Ibn Faris. 1972. *Mu'jam Maqayyis al-Lughah*. Dar al- Kutub al- 'Ilmiyyah. Vol. 3. p. 173.
- Ahmad 'Ukashah, *Tibb al-Nafs al-Mu'asir*. p. 137, 170-174.
- Al-Balkhi, A.Z., Misri, M., al-Hayyat, M., 2005. *Masālih al-Abdān Wa-al-Anfus*. al-Qāhirah: Ma'had al-Makhtūtāt al-'Arabiyyah.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. 1983. Quwaid: Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah. Vol. 43. p. 146, 147, 149.
- American Psychiatric Association (APA), *Help With Obsessive-Compulsive Disorder*. July 2015. <https://www.psychiatry.org/patients-families/ocd>.

- Hatta Sidi. 2012. *Keresahan Penyakit & Rawatan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hollander, E. 1997. Obsessive compulsive-disorder: The hidden epidemic. *Journal Clinical Psychiatry* 58(Supply 12):3-6.
- ICD-11 Beta Draft (Mortality and Morbidity Statistics).
<https://icd.who.int/dev11/lm/en#/http%3a%2f%2fid.who.int%2fclid%2fentity%2f1582741816>.
- Karno, M., Golding, K.M., Sorenson, S.B., et al., 1988. The Epidemiology of obsessive compulsive-disorder in five US communities. *Arch Gen Psychiatry* 45: 1094-1099.
- Muhyi al-Din al-Darwish. 1992. *I'rab al-Quran al-Karim wa Bayanih*. 1992. Vol. 2. Dar Ibn Kathir.
- Nabil R. Mohamed, Morsey Sh. Elswedy, Somaia M. Elsayed, Afaf Z. Rajab, Said T. Elzahar. 2015. "Obsessive-compulsive disorder, an Islamic view". *Menoufia Medical Journal*. Vol. 28. pp. 289-294.
- National Institute for Health and Clinical Excellence NICE. 2005. Obsessive-compulsive disorder. Quick reference guide. *Obsessive compulsive disorder: core interventions in the treatment of obsessive compulsive disorder and body dysmorphic disorder*. London: NICE. <http://www.nice.org.uk/nicemedia/live/10976/29947/29947.pdf>
- Salzman L & Thaler F. 1981. Obsessive-compulsive disorders: A review of the literature. *Am J Psychiat* 138: 286-296.
- Syeikh Waliyullah. (2015). *Hujjah al-Balighah*. Beirut: Dar Jil. h. 282.
- Table A2: Burden of disease in DALYs by cause, sex and income group in WHO regions 2004. p.62. https://www.who.int/healthinfo/global_burden_disease/GBD_report_2004update_full.pdf
- Toriq bin 'Ali Habib. 2003. *al-Waswas al-Qahriy Mard al-Nafsiy Am Ahadith Syaitaniyyah*. Riyadh: Maktabah Malik Fahd. p. 25.
- Weisman, R.C., Bland, G.J., Canino, S., Greenwald, H. G., Hwu, C.K. et al., 1994. The cross National epidemiology of obsessive compulsive-disorder. *Journal Clinical Psychiatry* 55: 5-10.
- YC Janardhan Reddy et al. 2008. *Obsessive Compulsive Disorder*. India: National Institute of Mental Health and Neuro Sciences. Deemed University. p. 2.
- Zahid Nazar, Mian Mukhtar ul Haq, Mohammad Idrees. 2011. "Frequency Of Religious Themes In Obsessive Compulsive Disorder". *Journal of Postgraduate Medical Institute*. Vol. 25. No. 11. pp 35 -39.